

08 SEP 1997

Mahathir-tiba

MAHATHIR TIBA DI MONGOLIA UNTUK LAWATAN EMPAT HARI

Oleh: Zulkefli Salleh

ULAN BATOR (Mongolia), 8 Sept (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tiba di sini hari ini untuk lawatan rasmi selama empat hari bertujuan memperkukuh hubungan dua hala dan meningkat kerjasama ekonomi antara Malaysia dan Mongolia.

Dr Mahathir diiringi oleh isteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali.

Rombongan perdana menteri termasuk Menteri Luar Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, Menteri Pengangkutan Datuk Seri Dr Ling Liong Sik, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Rafidah Aziz, Menteri Tenaga, Pos dan Telekom Datuk Leo Moggie, dan Menteri Kebudayaan, Seni dan Pelancongan Datuk Sabbaruddin Chik.

Turut serta ialah Menteri Pertanian Datuk Dr Sulaiman Daud, Menteri di Jabatan Perdana menteri Datuk Chong Kah Kiat dan Ketua Menteri Melaka Datuk Abu Zahar Ithnin.

Satu delegasi perniagaan 66 anggota diketuai oleh Ketua Eksekutif Malaysia Mining Corporation Berhad Tan Sri Ibrahim Menudin juga turut mengiringi Perdana Menteri dalam lawatan ini.

Dr Mahathir disambut oleh Perdana Menteri M. Enkhsaikhan dan isterinya Puan E.Shurentsetseg di Dataran Sukhbaatar di mana upacara sambutan rasmi diadakan sejam selepas beliau tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Buyant-Ukhaa.

Dr Mahathir akan menghadiri satu jamuan rasmi malam ini yang diberikan oleh Enkhsaikhan di Rumah Tetamu Kerajaan.

Beliau dijadualkan mengadakan perbincangan dengan rakan sejawatannya itu esok dan selepas itu menyaksikan majlis menandatangani perjanjian-perjanjian dua hala dan memorandum persefahaman.

Beliau juga akan berucap kepada ahli-ahli perniagaan Mongolia dan Malaysia pada satu majlis makan tengahari anjuran Dewan Perniagaan dan Industri Mongolia dan MATRADE.

Acara beliau pada hari ketiga termasuk melawat Chinggis Khaany Khuree, sebuah pusat pelancongan, di mana beliau akan menyaksikan acara sukan tradisi Mongolia seperti gusti, memanah dan menunggang kuda.

Pada hari akhir lawatan itu, Dr Mahathir dijangka dianugerahkan Ijazah Doktor Falsafah oleh universiti kebangsaan Mongolia.

Pada tengah harinya beliau dijadualkan berlepas ke Republik Kyrgyz untuk lawatan rasmi selama tiga hari sebelum pulang ke tanah air pada 14 Sept.

-- BERNAMA

ZKS WAT